

Halangan. tidak wajar wujud lagi: PM

Perkuat azam majukan Asean

LAGI BERITA MENGENAI SIDANG
PUNCAK ASEAN -- Muka 2 dan 5

Daripada A **NAZRI ABDULLAH**

MANILA, Isnin — **Asean** memerlukan kesungguhan politik untuk mengubah rantau yang kaya dengan pelbagai sumber asli menjadi pusat perkembangan masa depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya sebarang sekatan yang boleh menghalang kerjasama ekonomi rantau ini sepatutnya tidak wujud lagi, sebaliknya Asean hendaklah bersedia menerima idea barubagi meningkatkan kerjasama

"Saya yakin semua kita mempunyai pandangan yang sama iaitu Asean perlu mengiatkan kerjasama ekonomi. Justeru itu kita perlu menyediakan laluan dan arah bagi mencapai matlamat ini.

"Selagi kita mempunyai matlamat yang jelas, selagi itulah kesungguhan dan usaha kita tidak akan pudar," katanya.

Berucap di upacara pembukaan sidang puncak Asean ketiga di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan Asean mestilah meningkatkan usahanya bagi menjamin kepentingan masa depan komoditinya yang kini menderita kejatuhan harga.

"Kita sedang berhadapan dengan bahaya subsidi eksport pertanian, jualan murah dan kempen memburukkan keluaran kita oleh negara-negara maju.

"Oleh itu amatlah perlu bagi Asean memberi penekanan khusus kepada isu komoditi dengan menyamak kembali dan menyusun semula jentera Asean bagi menampung sektor komoditi," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, perdagangan intra-Asean, meskipun berkembang tetapi masih kecil berbanding keseluruhan perdagangan Asean.

Katanya pergelangan Asean kepada pasaran dunia menyebabkan Asean turut mengalami kesan buruk daripada kenaikan nilai beberapa mata wang dunia dan kadar pertukaran yang tidak seimbang.

Perdana Menteri juga menyentuh dengan panjang lebar masalah kawalan perdagangan negara-negara maju dan ketidakseimbangan perdagangan dunia yang meninggalkan kesan ke atas negara membangun, termasuk Asean.

Katanya kemunculan Jepun sebagai sumber kredit terbesar di dunia tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada Asean jika Jepun tidak mengubah amalan perdagangannya dan berusaha memperbaiki perdagangan dan kedudukan kewangan dunia.

Gesaan supaya ditingkatkan bantuan, penyusunan semula, mengurangkan halangan perdagangan berulang kali disuarakan. Pelbagai janji, jaminan dan ketetapan dibuat, tetapi kebanyakan penyelesaian kepada masalah belum bertukar menjadi kenyataan.

"Kita sebenarnya sudah hampir kepada keadaan yang amat bahaya, iaitu kemusnahan sistem, jika keadaan yang ada sekarang berterusan.

"Bukan sahaja jurang pendapatan dan taraf hidup antara Utara dan Selatan tetap luas, tetapi peluang mendekatkan pandangan dan persepsi kedua-dua belah pihak juga menjadi tipis."

Selain menyuarakan perlunya kerjasama ekonomi intra-Asean, Datuk Seri Dr Mahathir juga mahukan Asean meningkatkan kerjasama ekonominya dengan dunia luar.

Sehubungan ini, Perdana Menteri berkata secara kolektif Asean boleh meneroka pelbagai bidang untuk membantu perkembangan ekonomi dunia dan pada masa yang sama membantu ekonomi Asean.

"Meningkatkan kerjasama sesama negara-negara Selatan boleh menyediakan peluang baru kepada Asean," katanya.

Asean juga, kata Perdana Menteri, boleh membantu mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi dunia, melalui perbincangan dengan rakan dialognya dan menyertai secara cergas dalam arena antarabangsa.